



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“KALAM ILAHI, PANDUAN RABBANI”

Tarikh Dibaca :

**11 RAMADAN 1442H/
23 APRIL 2021M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**“KALAM ILAHI, PANDUAN RABBANI”****11 RAMADAN 1442H / 23 APRIL 2021**

الْحَمْدُ لِلَّهِ ذِي الْفَضْلِ وَالْإِنْعَامِ، فَضْلَ شَهْرِ رَمَضَانَ عَلَىٰ غَيْرِهِ مِنْ شُهُورِ الْعَامِ، خَصَّهُ بِعِزْيٍزٍ مِنَ الْفَضْلِ وَالْكَرَمِ وَالْإِنْعَامِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
ذِي الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ أَفْضَلُ مَنْ صَلَّى وَصَامَ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ الْبَرَّةِ الْكِرَامِ، وَمَنْ سَارَ عَلَى نَهْجِهِ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتُقُوا اللَّهَ، أُوْصِيُّكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَقْوُونَ، قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ، : أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ : بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ، وَمَا أَدْرَنَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ، لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ
شَهْرٍ، تَنَزَّلُ الْمَلِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِنْ كُلِّ أَمْرٍ، سَلَامٌ هِيَ حَتَّى مَطْلَعِ
الْفَجْرِ .

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredaan Allah SWT di dunia mahupun di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Kalam Ilahi, Panduan Rabbani”**. Khatib juga ingin menyeru kepada semua agar dapat terus mematuhi garis panduan pencegahan Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan segera mendaftar penerimaan vaksin Covid-19. Melihat kepada situasi semasa negara, kita amat bersyukur kerana Kerajaan Malaysia telah berjaya mendapatkan bekalan vaksin Covid-19 untuk kegunaan rakyat Malaysia. Ia merupakan salah satu dari ikhtiar kita dalam mendepani wabak ini seterusnya mengatasi musibah yang berlaku. Pengambilan vaksin Covid-19 ini bukan sahaja dapat mengurangkan kos rawatan yang ditanggung, tetapi ia juga merupakan kaedah perlindungan yang paling mudah, berkesan dan selamat bagi melindungi petugas barisan hadapan, populasi rakyat Malaysia yang berisiko tinggi, membentuk perlindungan kelompok dalam kalangan populasi Malaysia dan mengawal wabak dalam kawasan berisiko tinggi bagi mengurangkan transmisi jangkitan Covid-19 dalam komuniti.

Sidang Jemaah yang dimuliakan,

Alhamdulillah, Kita amat bersyukur kerana dengan izin Allah SWT, kita masih dalam Madrasah Ramadan al-Mubarak, bulan yang mendidik kita menjadi insan cemerlang dan mukmin bertakwa. Bulan yang padanya al-Quran diturunkan untuk menjadi petunjuk kepada seluruh manusia.

Al-Quran ialah kalam dan wahyu Allah SWT yang diturunkan buat kali pertamanya kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW pada malam ke-17 dalam bulan Ramadan, 13 tahun sebelum hijrah Baginda SAW ke Kota Madinah. Ia merupakan kitab petunjuk yang lengkap kepada umat manusia mencakupi semua aspek kehidupan.

Al-Quran merupakan kitab Allah SWT yang *syumul* (lengkap) diturunkan menjadi panduan kepada kita semua. Menerangkan tatacara sepatutnya kita menjalani kehidupan ini. Dari sekecil perkara seperti memberi salam hingga cara bermasyarakat

dan bernegara. Ia kekal relevan sepanjang zaman. Al-Quran itu juga merupakan panduan, pembimbing dan petunjuk sepertimana difirmankan oleh Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 185:

١٨٥ شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ هُدًى لِلنَّاسِ

Maksudnya: “Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia...”

Al-Quran terdiri daripada 6,236 ayat mengandungi petunjuk dalam setiap inci aspek kehidupan. Ia merupakan mukjizat teragung yang terkandung di dalamnya bukti yang menyingkap tabir hakikat kejadian manusia dan misinya di alam fana ini. Syariatnya menjaga hak asasi manusia dan membentuk masyarakat ideal.

Al-Quran adalah kitab yang benar, diturunkan oleh Allah SWT sejak 1400 tahun lalu. Kebenarannya telah dibuktikan dengan penemuan saintifik yang tidak dapat disangkal oleh mana-mana pihak. Sebagai contoh, penemuan sains tentang hakikat bahawa matahari beredar pada orbitnya, penemuan bahawa cap jari manusia tidak ada yang sama serta ilmu-ilmu forensik dan DNA sebagaimana yang disebut dalam Surah al-Fussilat ayat 53:

سَنُرِيهِمْ إِعْلَمٌ مَا فِي أَفْوَاهِهِمْ وَفِي أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ أَحَقُّ أَوْ لَمْ يَكُنْ فِي
بِرَبِّكَ أَنَّهُ وَعَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ٥٣

Maksudnya: “Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa al-Quran adalah benar. Belum ternyatakah kepada mereka kebenaran itu dan belum cukupkah (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?”

Dengan turunnya al-Quran yang merupakan mukjizat teragung ini, kita sebenarnya

diberi peluang oleh Allah SWT untuk mendalami perbendaharaan ilmu pengetahuan yang tidak bertepi.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Kita sebenarnya dididik secara langsung oleh Allah SWT dan berpeluang meraih sekurang-kurangnya **empat perkara** sepertimana firman Allah SWT dalam Surah Yunus ayat ke 57:

يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتُكُم مَوْعِظَةٌ مِن رَبِّكُمْ وَشَفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى
وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ ۝

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi **nasihat pengajaran** dari Tuhan kamu, dan yang menjadi **penawar** bagi penyakit-penyakit batin yang ada dalam dada kamu, dan juga menjadi **hidayah petunjuk** untuk keselamatan, serta membawa **rahmat** bagi orang-orang yang beriman.”

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Ringkasnya, al-Quran merupakan petunjuk yang tersimpul dalam keimanan kepada Keesaan Allah SWT dan kepercayaan kepada adanya hari pembalasan. Syariat dan hukum yang menerangkan dasar mesti diikuti oleh manusia dalam hubungan dengan Tuhan dan sesama manusia. Al-Quran membawa mesej petunjuk yang jelas menggagaskan Islam sebagai *nizam al-hayat*, iaitu cara hidup yang menjamin kebahagiaan hidup dunia dan akhirat.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin berpesan supaya kita menghargai anugerah teragung ini dengan memperuntukkan masa untuk membaca, memahami maksud, mengambil iktibar dan mengamalkan apa-apa yang diperintahkan dalam kehidupan seharian kita.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَাহِيهِ الطَّاهِرِينَ وَمَن تَبَعَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَن سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاةِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى
النَّبِيِّ يَا يَاهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ۖ
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدَ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُحِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِ
الْتَّابِعِينَ وَمَن تَبَعَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُغْ مَهَا مُولِيَا
سَرِيْ قَدوَكَ بَكِينِدا يُغْ دَفْرُتوَانِ اَكُوغُ ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهُ اَبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ حَاجُ اَحْمَدَ شَاهُ الْمُسْتَعِينُ بِاللَّهِ.

وَكَذِلِكَ كُبَاوَهْ دُولِي يَعِ مَهَا مُولِيا سَرِي ڦُدوُكَ بَكِينِدا رَاجَ فَرْمَايُوسِري اَنْوَعَ،
تُونِكُو (Tunku) حَاجَهْ عَزِيزَةَ اَمِينَةَ مِيمُونَةَ إِسْكَنْدَرِيَّةَ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى
اللهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوَزَرَاءَهُ وَقُضاَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمَئِنَّا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّنْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفَتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَادِنَ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkau lah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu juga Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu juga Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۝
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَةِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.